



## Selangor bina infrastruktur salur air mentah dari kolam secara lebih sistematik

Oleh Ruwaida Md Zain - Februari 4, 2023 @ 7:13pm  
bhnews@bh.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan negeri melalui inisiatif Skim Jaminan Air Mentah (SJAM), sedang membina infrastruktur khusus untuk mengalirkan sumber air mentah dari kolam secara lebih sistematik ke Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur Selangor, Izham Hashim, berkata kemudahan terbabit meliputi pemasangan pam berkapasiti 3,000 juta liter sehari (JLH), pembinaan rumah pam, paip air mentah dan struktur pintu air boleh laras yang dikawal secara automatik di Sungai Selangor.

"Projek berupa langkah jangka panjang jaminan sumber air kepada Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya itu dijangka siap pada akhir tahun ini. Ia akan membolehkan air terus dapat dibekalkan walaupun ada permasalahan kualiti sumber air mentah," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pelaksanaan SJAM berupaya membantu mengawal dan mengekang permasalahan kualiti sumber air di Selangor, sekali gus mengelak berlaku gangguan operasi loji rawatan air (LRA) dan seterusnya gangguan bekalan air kepada pengguna.

"SJAM merupakan salah satu inisiatif kerajaan negeri dalam menangani permasalahan kualiti dan kuantiti sumber air negeri. Ia adalah antara langkah penyelesaian bagi insiden pencemaran sungai dan kekurangan air mentah dari hulu hingga ke hilir sungai yang merangkumi komponen, antaranya hukuman pesalah yang lebih berat melalui Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 pindaan 2020.

"Selain itu, pemantauan serta pengawasan 24 jam melalui Skwad Pantas Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) di kawasan sensitif sumber air di Lembangan Sungai Selangor dan Sungai Langat, pengepaman sumber air mentah alternatif dari kolam takungan 'Hybrid off River Augmentation System' (HORAS) 600 di Sungai Selangor serta Kolam Takungan (Pond C) di Sungai Semenyih," katanya.

Sementara itu, Izham berkata, pengaktifan segera SJAM berjaya mengelak berlaku henti tugas di tiga LRA Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), Fasa 2 (SSP2) dan Fasa 3 (SSP3) selepas Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mengesan permasalahan kualiti air mentah berpunca daripada peningkatan ammonia (AN) di LRA terbabit sejak jam 7 pagi Khamis lalu.

Susulan pengesanan itu, beliau berkata, LUAS mengaktifkan Kod Kuning berdasarkan Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air, iaitu insiden berpotensi menyebabkan henti tugas LRA, manakala pemantauan melalui pensampelan bersama agensi berwajib seperti Air Selangor dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dilakukan di beberapa lokasi, termasuk Sungai Air Hitam, Sungai Nyamuk serta Sungai Tinggi.

"SJAM segera diaktifkan melalui pengepaman air mentah alternatif ke Sungai Selangor dari HORAS 600 sebanyak 500 JLH, dengan jarak dua kilometer dan satu jam perjalanan aliran ke muka sauk LRA.

"Ia diikuti penyaluran air kolam alternatif KL Larut sebanyak 384 JLH secara graviti dengan jarak tiga kilometer dan 1.5 jam perjalanan aliran.

"Pengepaman air mentah alternatif itu bertujuan meningkatkan kadar pencairan sungai dan mengekang kepekatan AN," katanya.

Izham berkata, pintu baraj di LRA juga diturunkan oleh pihak Air Selangor bagi mempercepatkan aliran tercemar mengalir melepasi muka sauk LRA.

"Hingga pagi kelmarin, sebanyak 516 juta liter air mentah alternatif telah disalurkan ke Sungai Selangor dan berjaya mengawal serta mengekang pencemaran terbabit.

"Pemantauan dan pensampelan LUAS mendapati keadaan sungai-sungai terbabit adalah dalam keadaan baik dan bacaan AN menurun serta terkawal.

"Pihak Air Selangor juga memaklumkan tiada gangguan terhadap operasi LRA dan ia terkawal," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, LUAS akan terus melakukan pemantauan rapi di kawasan sungai terbabit, meliputi pemantauan statik di Sungai Air Hitam, sekali gus bersiap siaga untuk melaksanakan mitigasi pencegahan dengan segera.